

17 MAY 1999

APEC-SOKONGAN

M'SIA DAPAT SOKONGAN UNTUK KAWAL SELIA PEDAGANG MATAWANG

Oleh: Mohd Arshi Daud

LANGKAWI, 17 Mei (Bernama) -- Walaupun Menteri-Menteri Kewangan Asian (AFM), yang bermesyuarat di Langkawai pada hujung minggu ini gagal mencapai kata sepakat mengenai usaha mengawal selia kegiatan dagangan matawang, namun Malaysia telah berjaya mencapai apa yang diharapkannya, iaitu untuk mendapat sokongan berterusan.

Kejayaan ini dicapai apabila menteri-menteri tersebut bersetuju mengenai ketelusan dan penzahiran peserta pasaran, termasuk institusi-institusi yang amat berpengaruh.

Menteri-menteri itu juga sebulat suara bersetuju mengenai usaha memperkukuhkan struktur kewangan antarabangsa (IFA), yang merangkumi tindakan mendisiplinkan dana lindung nilai, dan bahawa ekonomi-ekonomi baru muncul -- yang paling musah terjejas oleh penarikan keluar modal jangka pendek secara mendadak -- harus diajak bersama dalam usaha membentuk semula IFA.

Dengan demikian, Malaysia sekurang-kurangnya berjaya mewujudkan perbincangan berterusan mengenai gesaannya bagi mengawal selia dagangan matawang.

Sehari sebelum mesyuarat dua hari itu, pengerusi forum AFM keenam, Datuk Mustapa Mohamed, berkata Malaysia tidak terlalu berharap gesaannya untuk mendisiplinkan pedagang-pedagang matawang boleh menghasilkan cadangan konkrit pada mesyuarat itu, sambil mengakui bahawa memang tidak mudah untuk membentuk semula IFA.

Semasa merasmikan pertemuan AFM itu, Menteri Kewangan Pertama Tun Daim Zainuddin telah menekankan perlunya mengajak ekonomi-ekonomi pasaran baru muncul untuk turut serta apabila membincangkan reformasi IFA.

"Perlu ada sokongan penuh terhadap sistem baru agar suara dari Selatan didengar," katanya.

Seperti yang dijangkakan, bantahan keras telah disuarakan oleh AS, yang bertegas mengatakan bahawa kegiatan spekulasi dan pedagang matawang menyumbang kepada kestabilan ekonomi.

"Pendirian AS tidak banyak berubah terhadap kawalan selia, tetapi dari segi ketelusan dan penzahiran, mereka tidak ada masalah," kata Mustapa pada akhir mesyuarat itu semalam.

Beliau menegaskan bahawa pendirian Malaysia adalah jelas, bahawa spekulasi menjejaskan kestabilan.

Malaysia, yang teruk diserang oleh penyangak spekulator matawang, terus menggesa supaya diadakan reformasi dalam IFA.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mula-mula sekali menegaskan perlunya dikawal selia dagangan matawang, berkata bahawa apabila kegiatan yang sah disalahgunakan dan merosakkan orang ramai, kerajaan perlu mengharamkan amalan sedemikian.

Beliau juga menyatakan bahawa apabila hasil perdagangan berat sebelah sehingga memperkayakan satu pihak dengan memiskinkan satu pihak yang lain, maka masanya sudah tiba untuk mengkaji moraliti amalan perdagangan sedemikian.

Mustapa berkata perjuangan Malaysia menentang manipulasi pedagang-pedagang matawang akan diteruskan dan negara ini juga akan terus memainkan peranan penting bagi mengawal selia dagangan matawang di forum-forum yang ada.

Selain daripada menggunakan pertemuan-pertemuan Apec sebagai platform untuk mendapatkan sokongan mengenai isu ini, Malaysia akan menggunakan

mesyuarat-mesyuarat Tabung Kewangan Antarabangsa dan Bank Dunia serta Forum Kestabilan Kewangan Kumpulan Tujuh yang akan datang untuk mendapatkan sokongan yang lebih besar.

Dr Mahathir berkata: "Memanglah kita mungkin gagal tetapi kita akan berbuat sedaya upaya kita untuk berjaya walau kekuatan yang kaya dan berkuasa menentang kita. Insya Allah kita akan berjaya." -- BERNAMA

AD KY OS